

# Peserta eKasih hargai keprihatinan Ketua Menteri

DURIAN TUNGGAL 11 Mei - Peserta eKasih kategori miskin tegar, Norhazaliza Daut, berkata, dia sekeluarga cukup menghargai keprihatinan serta bantuan yang disalurkan oleh beberapa agensi kerajaan bagi mengurangkan beban hidup yang ditanggung setelah suaminya terlantar sakit sejak September 2013.

Norhazaliza, 30 tidak bekerja disebabkan dia adalah Orang Kelainan Upaya (OKU) dan menjaga suaminya, Abdul Halim Hashim yang lumpuh separuh badan serta dua anak berumur 3 tahun dan 4 tahun.

"Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ketua Menteri, Datuk Seri Ir. Idris Haron yang turut memberi perhatian terhadap nasib kami sekeluarga," ujarnya.

Beliau berkata demikian selepas menerima lawatan Pengarah Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Melaka, Ismail Hamad dan beberapa wakil agensi kerajaan negeri di rumahnya di Jalan Taman Murai Jaya, di sini

Isnin lalu.

Sementara itu Ismail memberitahu, kes keluarga Norhazaliza mendapat perhatian daripada Ketua Menteri dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Negeri, 22 April lalu.

Katanya, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Melaka selaku penyelaras Sistem Data Kemiskinan eKasih telah mengambil inisiatif mengadakan lawatan bersama Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) Jabatan Kesihatan serta Perkeso untuk memberi bantuan bagi memudahkan urusan harian keluarga Norhazaliza.

"Hasil lawatan bantuan yang diluluskan, Norhazaliza selaku Ketua Isi Rumah (KIR) kini menerima bantuan menjaga pesakit terlantar dan bantuan kanak-kanak dari JKJ, bantuan makanan bulanan (MAIM) serta bantuan kecemasan seperti katil, tilam, lampin pakai buang dan



ISMAIL menyampaikan sumbangan kepada Abdul Halim sambil diperhatikan oleh Daud (dua, kanan) dan Zulyadain di kediaman Norhazaliza di Jalan Taman Murai Jaya, Durian Tunggal, Isnin lalu.

makanan asas dari Perkeso, JKJ serta Ahli Parlimen Alor Gajah," kata Ismail.

Turut serta pada lawatan berkenaan, Pegawai Daerah Alor Gajah, Daud Hasan,

Pengarah JKJ, Zulyadain Limat serta wakil Jabatan Kesihatan dan MAIM.